



Oleh **AZIMI MUSTAPHA**  
Pengarang *Kosmo!* Ahad

## Masih ramai terpedaya sindiket Macau Scam

**BIARPUN** pihak berwajib seperti polis berjaya mematahkan beberapa sindiket penipuan dikenali Macau Scam saban tahun, tetapi kegiatan jenayah tersebut masih berlaku dan menghan-tui masyarakat negara ini.

Kegiatan penipuan teran-cang seperti itu seringkali menukar modus operandi mereka bagi mengelak dari-pada dihidu pihak berkuasa dan seterusnya melemah-kan aktiviti mereka.

Seperti yang sedia mak-lum, sindiket sebegini akan menghubungi mangsa de-ngan membuat cerita se-olah-olah mereka terbabit dalam kes jenayah seperti penggubahan wang haram, langgar lari dan hutang kad kredit.

Mereka kemudian me-minta mangsa meminda-hkan sejumlah wang ke dalam akaun bank mereka bagi menyelesaikan kes atau masalah yang dihadapi.

Setakat ini, terdapat pel-bagai jenis Macau Scam seperti penipuan pinjaman bank, kad kredit, penculikan dan tebusan, pembebasan tahanan, saman Polis Diraja Malaysia dan mahkamah.

Selain itu, ada sesetengah masyarakat yang terpedaya dengan janji manis cabutan bertuah, pakej pelancongan.

Apa yang menghairankan, kebanyakan mangsa peni-puan tersebut terdiri dari-pada golongan profesional yang semestinya berpendi-dikan tinggi.

Terbaharu, pada bulan lalu, seorang warga emas yang juga bekas jurutera pesawat Malaysia Airlines Berhad (MAB) kerugian RM551,111.39 akibat menjadi mangsa penipuan Macau Scam di Negeri Sembilan.

Lelaki berusia 64 tahun yang menetap di Bandar Baru Nilai itu ditipu oleh sindiket tersebut kononnya dia sedang disiasat pihak polis kerana terlibat dalam kes penggubahan wang haram dan bakal ditahan.

Mangsa yang terpedaya dengan penipuan itu telah bertindak mengeluarkan wang simpanannya dalam bank dan memasukkannya ke dalam tiga akaun bank lain seperti diarahkan sindiket berkenaan.

Biarpun, media massa

seperti surat khabar, tele-visyen serta media sosial sering memaparkan kes-kes penipuan membabitkan penipuan seperti ini hampir setiap hari, namun orang ramai nampaknya kurang memberi perhatian dengan kes tersebut menyebabkan menjadi mangsa penipuan dan kehilangan ratusan ribu ringgit.

Mungkin mangsa panik selepas dimaklumkan mereka mempunyai kaitan dengan kegiatan jenayah dan tanpa berfikir panjang terus menurut apa yang sindiket penipuan tersebut mahukan. Padahal, diri sendiri yang rugi.

Jika kita rajin melayari laman YouTube, akan ber-jumpa dengan pendedahan seorang yang hampir men-jadi mangsa penipuan terse-but. Dia sempat merakam perbualannya dengan sese-orang yang mengaku dari mahkamah dan mengata-kan mangsa mempunyai tunggakan ratusan ribu ringgit daripada bank dan hanya menanti masa untuk ditahan.

Mangsa bagaimanapun tidak termakan umpan memandangkan hari dia dihubungi adalah Sabtu, mana mungkin mahkamah bersidang pada hari terse-but. Tidak berpuas hati de-ngan keadaan itu, sindiket berkenaan dengan bangga mendedahkan pada hari berkenaan, lebih 100 orang telah diperdaya dan menye-rahkan wang mereka.

Ini membuktikan sindiket tersebut tidak sedikit pun gentar untuk melakukan aktiviti jenayah mereka kerana tahu tahap keseda-ran masyarakat berkaitan perkara itu masih rendah dan terdapat orang yang di luar sana yang tidak mahu mengambil tahu apa ber-laku di sekeliling mereka.

Bagi mengelakkan diri daripada terjebak dan ter-pedaya dengan sindiket pe-nipuan tersebut, orang ra-mai perlu lebih berhati-hati ketika menerima panggilan telefon, e-mel atau pun surat yang mengatakan mereka mempunyai kaitan dengan kegiatan jenayah tertentu.

Jika tidak pasti, jangan panik dan terus melaporkannya di balai polis berdekatan.